

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 28/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 1A, 1B, 1C, 1D, 1E, 1F, Rumah Awam Kos Rendah, Kampung Pasir Baru, Zon 12, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G2	CE01 & CE21	RM50.00	1 Mac 2022 Hingga 15 Mac 2022
MPKj S 29/2022	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Indah Jaya 4, 5, 6 Dan 7, Taman Indah Jaya, Zon 1, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE01, CE21 & CE34		
MPKj S 30/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Di Jalan Impian Putra 1/1, Jalan Impian Putra 2/1 Dan Jalan Persiaran Seri Putra 2, Zon 24, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya		CE01, CE21 & CE34		
MPKj S 31/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Bukit Mewah 9/1, 9/2, 9/3, 9/4, 9/5, 9/6, 9/7, 9/8, 9/9, 9/10, 9/10B Dan 9/10C, Taman Bukit Mewah, Zon 15, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G3	CE01 & CE21		
MPKj S 32/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Secara "Mill & Pave" Di Persiaran Tasik Semenyih Dan Jalan TTS 1, Taman Tasik Semenyih, Zon 21, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 33/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Paling Jaya 2, 3, 4, 5, 6, Jalan Kemuning, Jalan Kenari, Jalan Kemboja, Jalan Kekabu, Jalan Kenanga, Jalan Sembilan Dan Jalan Sepuluh, Zon 20, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S 34/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Saujana Damai 1, 2, 3, 4 Dan Sebahagian Jalan Utama Jenaris, Zon 12, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 35/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Impian Gemilang, 1/1, 1/2, 1/3, 1/4, 1/5, 1/6, 1/7, 1/8 Dan 1/9, Zon 10, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G3	CE01 & CE21	RM50.00	1 Mac 2022 Hingga 15 Mac 2022
MPKj S 36/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Sebahagian Jalan CJ 3, Kawasan Perindustrian Cheras Jaya, Zon 8, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

#### DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **1 MAC 2022 HINGGA 15 MAC 2022**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

#### TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 15 MAC 2022 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebutharga/ Tender)  
Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan  
Menara MPKj  
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.

#### LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).